

Batalkan rancangan tukar status Kampung Janda Baik

SHAH ALAM - Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) menggesa kerajaan Pahang membatalkan projek Rancangan Khas Kawasan (RKK) di Janda Baik, Pahang.

Presidennya, Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, rancangan pembangunan di kampung Melayu tradisional itu bagi menjadikan ia sebagai kawasan ekopelancongan bertaraf antarabangsa tidak akan memberi apa-apa kebaikan kepada penduduk mahupun alam sekitar.



SHARIFFA SABRINA

"Biarlah Janda Baik kekal sebagai kampung Melayu tradisional. Apabila berlaku pembangunan, penduduk menjadi mangsa kerana kemungkinan besar keuntungan yang diperoleh tidak memihak kepada mereka, malah mereka mungkin kehilangan tanah dan tempat tinggal.

"Kita perlu tahu bentuk muka bumi Janda Baik berbukit dan apabila pembangunan dijalankan pasti akan bawa musibah seperti tanah runtuh, air sungai kotor, anak sungai kering dan sungai semakin sempit. Bagi saya tidak ada kebaikan pun cadangan pembangunan ini," katanya kepada *Sinar Harian* di

Draf RKK Janda Baik perlu diteliti semula

KUANTAN - Majlis Perbandaran Bentong (MPB) perlu mengkaji semula draf Rancangan Khas Kawasan (RKK) di Janda Baik bagi memastikan kampung tradisional di kawasan itu tidak terjejas.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ketari, Young Syefura Othman berkata, draf tersebut harus diteliti semula bagi memastikan penduduk tidak kehilangan penempatan jika pewartaan jalan dan rizab sungai dilakukan.

"MPB telah mengadakan

dua kali perbincangan dengan wakil penduduk dan pemilik resort untuk mendengar pandangan mereka mengenai draf pembangunan ekopelancongan di Janda Baik.

"Tetapi apabila draf terakhir dikeluarkan, saya sendiri pun tidak setuju kerana ia akan menjejaskan keindahan Janda Baik yang sedia ada.

"Kampung tradisional Janda Baik harus dikekalkan kerana itulah tarikan pelancong datang ke sini," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

sini semalam.

Kelmarin, penduduk Kampung Janda Baik membantah rancangan pembangunan projek mega atas nama ekopelancongan bertaraf antarabangsa kerana dikhuatiri bakal melenyapkan kampung Melayu tradisional itu dan mengancam alam sekitar di kawasan tersebut.

Mengulas lanjut, Shariffa Sabrina berkata, keaslian Kampung Janda Baik sebenarnya menjadi faktor tarikan kepada kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara untuk datang ke kawasan tersebut.



Keratan Sinar Harian semalam.

"Pelancong datang ke Malaysia nak melihat dan menikmati keindahan alam dan bukan pembangunan. Jika pembangunan yang mahu disajikan, negara-negara maju jauh lebih bagus daripada kita.

"Daripada sibuk mahu menambah pembangunan di negara ini, elok kiranya kerajaan mengambil pendekatan memelihara, memulihara dan melindungi alam sekitar kita. Sajikan kepada pelancong apa yang menarik tentang Malaysia," katanya.